



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	2/8/2012

# Genovasi inisiatif lahir Duta Inovasi

BH - 2/8/2012

» Program pertama di ASEAN bukti kerajaan harga bakat muda

Oleh Haika Khazi dan Zanariah Abd Mutalib  
bhnews@bharian.com.my

Putrajaya

**D**atuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan penubuhan Genovasi, iaitu inisiatif baru yang bertanggungjawab membangunkan belia untuk menjadi duta inovasi negara.

Perdana Menteri berkata, Genovasi, iaitu gabungan perkataan generasi dan inovasi adalah inisiatif pertama seumpamanya di ASEAN yang akan diterajui Unit Inovasi Khas (UNIK), Jabatan Perdana

Menteri (JPM).

Beliau berkata, graduan yang mengikuti program di Genovasi akan ditaja Agensi Inovasi Malaysia (AIM), sebelum dilantik untuk memulakan dan melaksana projek dengan kemahiran inovasi dalam tiga bidang.

Tiga bidang bagi duta inovasi mengaplikasikan kemahiran inovasi mereka ialah projek berteraskan komuniti untuk faedah rakyat, projek berteraskan ekonomi yang menjana gelombang kekayaan baru dan projek peningkatan kerajaan untuk membantu meningkatkan perkhidmatan penyampaian.

"Duta Inovasi akan menjadi generasi inovasi, iaitu generasi pembuat pembaharuan yang akan memainkan peranan aktif dalam mempertingkatkan dan memperbaiki negara.

"Genovasi akan memberi jalinan kepada anak muda untuk bersatu dengan negara, memberi semangat serta komitmen bagi membina Malaysia yang

## INFO

### Tiga matlamat utama lantikan Duta Inovasi

- ⊙ Menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam di kementerian, jabatan, agensi dan PBT.
- ⊙ Memperbaiki mutu hidup.
- ⊙ Mewujudkan kekayaan ekonomi baru menerusi keusahawanan atau perubahan struktur perniagaan.

### Rakan kongsi

- ⊙ Institut Hasso Plattner (HPI)
- ⊙ Institute for the Future (ITF)
- ⊙ Syarikat media antarabangsa Pearson
- ⊙ University Singularity (SU)
- ⊙ Universiti Stanford (Pusat Perkembangan Profesional Stanford)
- ⊙ Kumpulan Pemikir Projek Milenium
- ⊙ Persatuan Diraja untuk menggalakkan Seni, Pengilang dan Perdagangan (RSA)

mencapai kejayaan," katanya ketika mengumumkan Genovasi di pejabatnya di sini.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) UNIK, Datuk Dr Kamaljit Singh dan CEO AIM, Mark Rozario.

Duta Inovasi yang akan menjadi pemangkin perubahan untuk menyebarkan konsep, latihan terbaik dan penggunaan inovasi menyasarkan untuk melahirkan sekurang-kurangnya 5,000 Duta Inovasi, dalam tempoh lima tahun.

Najib berkata, penubuhan Genovasi yang mendapat nasihat daripada Lembaga Jawatan akan dilancarkan awal tahun depan dan ia dijangka mencapai status universiti dalam tempoh lima tahun lagi.

"Penubuhan Genovasi membuktikan kerajaan memahami dan menghargai anak muda yang tidak mahu lagi menjadi penonton pasif, tetapi terbabit secara aktif dalam membangunkan negara yang bakal mereka warisi.

"Bagaimanapun, ini bukan usaha saya seorang. Ini adalah usaha bersama yang saya doakan akan bertahan lama bermula dari zaman saya dan membawa manfaat besar kepada negara," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri mengadakan sesi dialog lebih setengah jam bersama enam rakan kongsi antarabangsa Genovasi.